



SIARAN MEDIA

PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI KPWKM TINGKAT KESEJAHTERAAN KOMUNITI SETEMPAT

TUMPAT, 17 JANUARI – YB Dato' Sri Hajah Nancy Binti Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan Program Integrasi Kasih MADANI Sempena Penyerahan Projek Fizikal Kampung Angkat MADANI KPWKM di Kampung Pasir Pekan Tengah, Tumpat, Kelantan.

Menerusi peruntukan sebanyak RM2.5 juta, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWK) telah berjaya melaksanakan pembangunan projek fizikal dan bukan fizikal Kampung Angkat MADANI ini yang **meliputi lima aspek** utama iaitu:

- i. **Pembangunan logistik** melibatkan **pembinaan jeti terapung menggunakan teknologi biokomposit (kenaf) dengan kerjasama Agensi Nuklear**. Selain untuk kegunaan penduduk setempat yang menjadikan sungai sebagai sumber rezeki, **jetinya akan menjadi laluan pihak bomba dan penyelamat bagi kerja-kerja menyelamatkan mangsa lemas** atau pun semasa bencana banjir. Turut dibina susur pejalan kaki sepanjang 500 meter, menaik taraf jalan kampung, membina ruang rekreasi kanak-kanak dan pemasangan papan tanda Kampung Pasir Pekan Tengah serta menaik taraf Masjid Kampung Pasir Pekan Tengah. Projek pembinaan dan naik taraf fasiliti ini telah menyediakan kemudahan rekreasi dan aktiviti bersama keluarga kepada penduduk setempat termasuk kanak-kanak, warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU).
- ii. **Penjanaan ekonomi** melibatkan aktiviti **ternakan ikan dalam sangkar** untuk meningkatkan ekonomi penduduk setempat yang mendapat sokongan Jabatan Perikanan dengan sumbangan 10 ribu anak ikan.

- iii. **Aspek Keselamatan** melibatkan kerja-kerja **pemasangan 20 unit lampu solar** bagi menambahbaik persekitaran yang gelap dan kurang selamat sebelum ini.
- iv. **Pengukuhan ukhwah dan perpaduan** melalui aktiviti gotong royong serta rekreasi dikalangan masyarakat kampung.
- v. **Pengukuhan psikososial** dengan Penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE@3A), Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (PPKK) dan Pasukan Kebajikan Kanak-kanak (PKKK) selain program Ziarah kasih, Program integrasi KASIH MADANI, Gotong-Royong Kasih MADANI

Menerusi program *outreach* ini, KPWKM komited untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan MADANI terus kepada rakyat. KPWKM yakin projek Kampung Angkat MADANI yang diinspirasikan oleh Perdana Menteri ini dapat memberikan manfaat optimum terus kepada penduduk dengan kemudahan fizikal yang disediakan dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan komuniti setempat melalui aktiviti-aktiviti psikososial yang diadakan.

Projek ini dilaksanakan secara kerjasama strategik antara agensi persekutuan dan negeri, NGO dan juga sukarelawan mencerminkan kesepaduan dalam memikul tanggungjawab bagi memastikan kesejahteraan rakyat dapat dicapai. YB Menteri menyeru semua pihak yang melaksanakan projek Kampung Angkat MADANI memberi fokus kepada keperluan kumpulan sasar seperti wanita, kanak-kanak, warga emas serta OKU bagi kesejahteraan masyarakat yang seimbang.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, YBrs. Puan Hanani Sapit, Ketua Pengarah JPW, YBrs. Puan Nordina Harun, Ketua Pegawai Eksekutif YKN dan pegawai-pegawai kanan Kementerian, jabatan dan agensi KPWKM.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
17 JANUARI 2025